

## **Sumbangan Sektor Pelancongan terhadap Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Nilai ringgit telah susut berbanding dengan mata wang rakan dagang utama, termasuk Amerika Syarikat, Great Britain, zon euro, Japan, China, Singapura dan Thailand. Semenjak September 2014 sehingga kini, nilai ringgit telah susut di dalam lingkungan 20% berbanding dengan nilai mata wang negara-negara tersebut. Sektor eksport dan pelancongan domestik dijangka mendapat manfaat dari penurunan nilai ringgit ini. Barangan Malaysia menjadi lebih murah di pasaran antarabangsa jika di bayar dengan dolar Amerika. Begitu juga pelancong-pelancong yang menggunakan dolar Amerika untuk berbelanja di Malaysia merasa seolah-olah mereka 20% lebih kaya.

Seperti kebanyakan variabel ekonomi yang lain, kadar tukaran asing mengalami turun naik disebabkan oleh kitaran perniagaan. Oleh yang demikian, sebagai sebuah ekonomi kita tidak perlu bimbang dengan keadaan semasa, kerana ianya bersifat sementara. Lebih-lebih lagi, nilai tukaran asing merupakan ukuran secara relatif di antara dua mata wang yang dipengaruhi antara lain oleh faktor-faktor fundamental dan sentimen. Apa yang perlu kita lakukan adalah dengan mengambil kesempatan daripada keadaan kini untuk memperbaiki faktor-faktor fundamental. Antara langkah yang boleh diambil adalah seperti meningkatkan bahagian pasaran antarabangsa dan meningkatkan kecekapan pengeluaran serta lain-lain aktiviti berkaitan.

Usaha menggalakkan sektor pelancongan sewaktu nilai ringgit yang rendah merupakan strategi semasa yang baik namun kejayaannya perlu di kekalkan untuk jangka panjang. Justeru, faktor-faktor asas atau fundamental perlu diberi penekanan bukan hanya bergantung kepada faktor sementara penurunan nilai ringgit. Bermakna kejayaan yang diraih perlu dikekalkan walaupun selepas nilai ringgit kembali meningkat. Dengan kata lain, pengusaha-pengusaha perniagaan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pelancongan khususnya dan masyarakat keseluruhan umumnya, perlu mengambil

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kesempatan ini untuk mempromosikan Malaysia. Perlu diingat bahawa nilai mata wang kebanyakan negara pesaing langsung Malaysia untuk destinasi pelancongan juga mengalami penurunan berbanding dolar Amerika. Ini bermakna Malaysia masih perlu bersaing dengan negara-negara tersebut.

Sektor perkhidmatan, yang juga meliputi sektor pelancongan, kini memberi sumbangan tertinggi kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan dijangka akan terus meningkat selari dengan arah aliran kebanyakan negara maju. Justeru, keseluruhan rakyat jelata harus menyelaraskan minda sebagai sebuah negara perkhidmatan setimpal dengan status sebagai sebuah negara maju. Segala asas-asas yang bersesuaian dengan keperluan industri perkhidmatan perlu dipupuk.

Ketibaan pelancong asing untuk tahun 2015 dianggarkan berjumlah 29.4 juta orang berbanding dengan 27.4 juta orang pada tahun lepas. Hasil terimaan pelancong untuk tahun ini pula dijangka mencecah RM89 bilion, iaitu RM17 bilion melebihi hasil tahun 2014. Segenap golongan masyarakat perlu bertindak sebagai tuan rumah untuk menerima kunjungan pelancong-pelancong yang dijangka itu. Matlamat akhirnya adalah untuk menggembirakan tetamu.

Terdapat berbagai motif yang mendorong pelancong asing untuk melancong di Malaysia, termasuk membeli belah atau cuma ingin menikmati kecantikan alam semula jadi. Perlu diingat bahawa Malaysia merupakan salah satu destinasi membeli belah yang utama di dunia. Maka nilai ringgit yang rendah membuatkan barangan Malaysia bertambah kompetitif. Tidak kurang juga pelancongan bermusim terutama dari hemisfera utara yang melarikan diri dari kesejukan sambil menikmati keindahan tropika, terutama bersempena cuti hujung tahun.

Tidak kira apa alasan sekali pun, sudah pasti pelancong-pelancong asing yang berkunjung ke sesuatu negara menginginkan pengalaman yang terbaik. Antara lain, mereka ingin melihat persekitaran yang bersih, masyarakat yang berbudi bahasa dan mereka tidak tertipu. Kita sering mendengar laporan pelancong asing tertipu di sana sini, terutama berkaitan dengan mendiskriminasikan harga. Walaupun, ianya merupakan kes-kes yang terpencil namun memberikan kesan yang amat buruk kepada

imej negara. Majoriti pengusaha-pengusaha yang jujur terkesan dengan sikap segelintir pengusaha yang rakus sebegini.

Malaysia mempunyai banyak produk pelancongan berkaitan alam semula jadi yang unik dan bertaraf dunia. Tidak kurang ramai pelancong yang memfokuskan kepada produk alam semula jadi, seperti pantai, hutan dan sebagainya. Namun tidak kurang juga sebahagian dari produk tersebut telah dicemari oleh manusia, sama ada dirosakkan atau dikotori. Sudah tentu, keadaan sebegini memberi pengalaman yang tidak enak untuk pengunjung di sebalik anugerah semula jadi yang menakjubkan.

Umumnya, faktor-faktor negatif yang berkaitan dengan sikap manusia tersebut memberi kesan sampingan yang buruk kepada industri pelancongan, terutama untuk jangka masa panjang. Ianya memberi publisiti negatif untuk negara. Jumlah pelancong untuk masa hadapan mungkin terjejas. Dalam pada itu, kerosakan dan pencemaran alam sekitar menyumbang kepada kos sosial yang tinggi dan memberi kesan negatif kepada pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Tindakan pembetulan perlu ditangani bukan sahaja oleh penggiat industri pelancongan secara langsung, bahkan oleh semua masyarakat umum. Sikap-sikap positif yang menjadi norma-norma sejagat perlu dibudayakan, seperti menjaga kebersihan persekitaran, memberi layanan yang baik kepada tetamu dan sebagainya. Pembudayaan sikap positif tersebut mampu mengurangkan kos sosial, justeru meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Segalanya harus bermula dari peringkat individu dan tidak perlu melibatkan perubahan dasar kerajaan dengan perbelanjaan yang besar.

Oleh yang demikian, kelemahan nilai ringgit perlu dimanfaatkan untuk keuntungan jangka panjang. Kita tidak perlu mengaut keuntungan berlebihan dengan mengambil kesempatan ke atas pelancong asing. Sebaliknya, kita perlu berusaha menggalakkan mereka kembali melawat Malaysia atau mengharapkan mereka mempromosikan Malaysia di luar negara. Di sinilah letaknya kunci kepada sumber pertumbuhan ekonomi yang mapan sebagai sebuah negara maju yang kita idamkan.

Di samping itu, pelancongan domestik perlu juga digalakkan, terutama di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Usaha sebegini bukan sahaja mampu menjana pendapatan negara, malahan ianya boleh juga menyumbang terhadap integrasi nasional dan peningkatan perasaan cintakan negara terutama di kalangan golongan muda. Mungkin usaha ini boleh digalakkan sebagai aktiviti sekolah mengambil faedah dari kewujudan syarikat penerbangan tambang murah yang sedia ada.

Musim cuti sekolah begitu sinonim dengan percutian keluarga. Ada yang melancong keluar negara, namun majoritinya adalah merupakan pelancongan domestik. Nilai ringgit yang lemah membuatkan pelancongan domestik lebih menarik untuk rakyat Malaysia. Penduduk Semenanjung perlu meneroka Sabah dan Sarawak, dan juga sebaliknya, bukan sahaja untuk melihat kecantikan alam semula jadi tetapi juga untuk mengenali negara dan kekayaan budaya kita.

Setiap ringgit yang dibelanjakan di dalam negara akan memberi kesan pengganda yang maksimum terhadap ekonomi negara melalui rantai aktiviti-aktiviti ekonomi. Bermakna seringgit yang dibelanjakan menyumbangkan lebih dari seringgit terhadap KDNK. Sebaliknya, perbelanjaan melancong keluar negara merupakan ketirisan terhadap KDNK. Jumlah perbelanjaan melancong keluar negara yang besar akan mengimbangi perbelanjaan pelancong luar yang mengunjungi Malaysia. Maka untuk mendapatkan kesan bersih yang maksimum daripada sumbangan sektor pelancongan terhadap ekonomi hasil dari penurunan nilai ringgit, pelancongan domestik perlu ditingkatkan mengambil alih pelancongan keluar negara, sambil berusaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong asing ke Malaysia.